

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD**  
**[PARIT SULONG]**

**TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Noraini binti Ahmad minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-**

- (a) bilangan wanita yang menyandang jawatan pengurusan di sektor swasta; dan
- (b) apakah bantuan ataupun kemudahan yang disediakan untuk mereka yang mempunyai anak.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, penyertaan wanita sebagai ahli lembaga pengarah (ALP) di syarikat awam (*Public Companies*) hingga 31 Mac 2015, adalah sebanyak 15.1 peratus iaitu 3,555 orang daripada keseluruhan ALP yang berjumlah 23,547 orang. Syarikat awam ini merangkumi syarikat tersenarai awam (*Public Listed Companies*) yang mana bilangan ALP wanita adalah sebanyak 500 orang dan syarikat tidak tersenarai awam (*Non-Public Listed Companies*) yang mana bilangan ALP wanita adalah sebanyak 3,055 orang.

Bagi Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-linked companies*) (GLC), data yang direkodkan oleh KPWKM hingga Januari 2015 mencatatkan peratus ALP wanita adalah sebanyak 18 peratus iaitu 48 orang daripada keseluruhan ALP yang berjumlah 266 orang di 31 syarikat GLC yang disemak.

Bagi syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan, peratusan ALP wanita hingga November 2014 adalah sebanyak 17 peratus iaitu 123 orang daripada keseluruhan ALP yang berjumlah 736 orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara bantuan ataupun kemudahan yang disediakan untuk mereka di sektor swasta yang mempunyai anak adalah seperti berikut:

- (a) pengecualian cukai 10% setahun bagi majikan di sektor swasta ke atas kos keseluruhan pembinaan atau pembelian bangunan untuk penubuhan TASKA di tempat kerja bagi tempoh 10 tahun;
- (b) pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10% setahun kepada pengusaha TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak swasta;
- (c) insentif kepada majikan dalam sektor swasta melalui pemotongan cukai sebanyak dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak;
- (d) TalentCorp dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita melalui perkongsian bijak dengan pihak *The Star* telah mewujudkan portal *FlexWorkLife.my* yang telah dilancarkan pada 8 Julai 2013

yang berperanan sebagai jaringan bagi membantu majikan dalam mengoptimumkan bakat wanita melalui integrasi kerja dan kehidupan melalui tiga pendekatan seperti berikut:

- i. Memaparkan pekerjaan yang menawarkan (*flexijobs*); dan
  - ii. Amalan terbaik FWA dan kemudahan yang mesra keluarga bagi rujukan dan kegunaan syarikat lain.
- (e) Menyediakan insentif cukai bagi majikan menyokong pelaksanaan FWA yang mengambil dan melatih semula wanita yang mengambil *career breaks* dan melaksanakan dan meningkatkan lagi amalan FWA;
- (f) Memberi insentif Cukai Berganda dan Geran Bagi Menggalakkan Wanita untuk Kembali Bekerja (*Career Comeback Grant*). Kemudahan ini diberikan kepada majikan yang berjaya mewujudkan persekitaran kerja yang *women-friendly*; dan
- (g) Cuti bersalin bagi pekerja sektor perbankan di bawah Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank (NUBE) dipanjangkan kepada 90 hari mulai Ogos 2010.